

Ireka Corp bekerjasama dengan Hankyu Hanshin bangunkan projek RM400 juta

KUALA LUMPUR: Ireka Corp Bhd telah memeterai satu perjanjian dengan Hankyu Hanshin Properties Corp dari Osaka untuk bekerjasama dalam projek Rimbun Kasia di Nilai yang mempunyai nilai pembangunan kasar sebanyak RM400 juta.

Syarikat itu dalam satu maklumannya kepada Bursa Malaysia semalam, berkata projek Rimbun Kasia merangkumi kawasan kediaman baharu meliputi terdiri daripada lima petak projek kediaman dan satuh petak projek komersial seluas 12.37 hektar.

“Usaha sama ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan projek Dwi@Rimbun Kasia, terdiri daripada 382 unit kediaman dalam blok sembilan tingkat serta satu lagi petak tanah yang mempunyai 465 unit kediaman dalam menara 29 dan 19 tingkat,” katanya.

Pengarah Urusan Kumpulan Ireka, Datuk Lai Voon Hon berkata syarikat agak teruja untuk bekerjasama dengan Hankyu Hanshin yang berpangkalan di Osaka kerana ia akan meningkatkan pembangunan Rimbun Kasia, dengan memanfaatkan pengalaman mereka yang luas dalam sektor perumahan mampu milik, rekod prestasi dan kekuatan kewangan.

Hankyu Hanshin Properties merupakan anak syarikat milik penuh Hankyu Hanshin Holdings Inc, yang tersenarai di bahagian pertama Bursa Saham Tokyo. — Bernama